

AK 14 PROTOKOL
KAJISELIDIK KEPUASAN MURID SEKOLAH
BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN NEGERI MELAKA

1. TUJUAN KAJISELIDIK

1.1 UMUM

Untuk menilai tahap kepuasan murid sekolah terhadap perkhidmatan pergigian yang diberi serta menambahbaik kualiti perkhidmatan pergigian di sekolah.

1.2 SPESIFIK

- a. Untuk menilai tahap kepuasan murid terhadap perkhidmatan pergigian dalam aspek berikut :
 - i) Aktiviti Pencegahan dan Promosi
 - ii) Rawatan yang Diberi

- b. Untuk mengetahui kelemahan perkhidmatan pergigian yang telah diberi dan membuat tindakan penambahbaikan yang perlu.

2. METODOLOGI

Kajiselidik ini merupakan kajian keratan rentas.

2.1 Sampel

Responden terdiri dari murid darjah 6 dan Tingkatan 4 dari semua sekolah di Melaka yang menerima Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Sekolah. Kaedah persampelan adalah persampelan secara rawak, sebanyak **20% dari jumlah enrolmen Darjah 6 dan Tingkatan 4** dari setiap sekolah.

Murid yang tidak menerima Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Sekolah tidak boleh dipilih sebagai responden.

2.2 Instrumen Kaji Selidik

Instrumen yang digunakan untuk kajiselidik ini adalah borang soal selidik.

2.3 Pengumpulan Data

Kajiselidik akan dijalankan segera selepas selesai rawatan pergigian dan ceramah oleh Pasukan Pergigian di sekolah tersebut menggunakan borang soal selidik yang perlu dijawab sendiri oleh murid. Borang soal selidik ini disediakan dalam Bahasa Melayu sahaja. Pegawai Pergigian / Juruterapi Pergigian Yang Bertanggungjawab di sekolah tersebut akan bertanggungjawab untuk mengendalikan kajian ini. Anggota tersebut perlu mengedarkan borang kaji selidik kepada responden dan memastikan murid mengisi jawapan sendiri. Borang yang telah selesai dijawab perlu dipastikan lengkap, dikumpul dan diserahkan kepada Pegawai Pergigian Yang Menjaga (PPYM) untuk dianalisa.

2.3 Analisis Data

PPYM perlu meneliti sebarang masalah atau cadangan dari Borang Kaji Selidik yang memerlukan tindakan penambahbaikan segera. Maklumbalas yang rumit perlu disalurkan kepada pihak atasan.

Penyelaras Kajian Kepuasan Sekolah di peringkat Negeri pula perlu mengumpul semua maklumbalas dari setiap klinik untuk dianalisa dan dibentangkan di Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) bersama Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian).